

D652

R 6 2 9 9 AAB  
MAHATHIR - EKONOHI  
(I)

KUALA LUHPUR, 9 OGOS (BERNAMA) -- TANDA-TANDA PEMULIHAN EKONOMI DAPAT DILIHAT DI SELURUH NEGARA DENGAN KEMASUKAN PELABURAN ASING YANG BUKAN LAGI KECIL DAN KERAJAAN PERLU MENINGKATKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR, KATA DATUK SERI DR HAHATHIR MOHAMAD.

SAHBIL HENARIK PERHATIAN KEPADA SEKURANG-KURANGNYA DUA PELABURAN YANG DICADANGKAN HELIBATKAN KIRA-KIRA AS\$1,000 JUTA, PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT HENDAKLAH HENYIAPKAN DIRI BAGI MENGHADAP'I TEMPO PEHBANGUNAN YANG PESAT.

KETIKA BERUCAP PADA HAJLIS HAKAN MALAM DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN KEBANGSAAN MALAYSIA (NCCIM) DI SINI, BELIAU BERKATA +TANDA-TANDA+ PEHULIHAN EKONOHI JUGA DAPAT DILIHAT EKORAN PELBAGAI KEKURANGAN YANG DAPAT DILIHAT DAN DIRAHALKAN

BELIAU BERKATA, SEBAGAI CONTOH, LEHBAH KLANG DIJANGKA MENGHADAPI KEKURANGAN 10,000 PEKERJA DAN INI BERHAKNA BAHAWA BANYAK PELUANG PEKERJAAN TELAH DIWUJUDKAN.

+KITA JUGA HENDAPATI BAHAWA INFRASTRUKTUR KITA TIBA-TIBA TIDAK MENCUKUPI,+ KATA PERDANA HENTERI DAN HENAMBAAH KATA PERKHIDHATAN-PERKHIDHATAN DAN KEHUDAHAN DI PELABUHAN KLANG, PASIR GUDANG DAN PULAU PINANG JUGA PERLU DIPERBAIKI. -- LAGI  
0049HST 10 08 89

D653

R B 300 AAB  
MAHATHIR - EKONOHI 2 KUALA LUHPUR  
I

BELIAU BERKATA PENGENDALIAN KONTAINER DI PASIR GUDANG MENCATATKAN PENINGKATAN 100 PERATUS TAHUN LALU.

KATANYA, KECUALI LEBIH BANYAK DERHAGA DIBINA DI PELABUHAN ITU, KERAJAAN AKAN HENGHADAPI HASALAH KERANA PELABUR YANG AKAN DATANG DIKEHENDAKI HENGENDALIKAN TAHBAHAN 150,000 KONTAINER SETAHUN KHUSUS BAGI HENGEKSPORT BARANGAN KELUARAN INDUSTRI BARU DI KAWASAN ITU.

BELIAU JUGA BERKATA, SISTEM KERETAPI DI LEHBAH KLANG TIDAK LAGI DAPAT HENAMPUNG PENGENDALIAN BARANGAN UNTUK PENGANGKUTAN DAN KERAJAAN AKAN HEMBINA LANDASAN DUA LALUAN DARI PELABUHAN KLANG KE RAWANG, DI SINI DAN SEREBAN.

DATUK SERI DR HAHATHSR BERKATA KERAJAAN JUGA SEDANG MENKKAJI SAHA ADA BEKALAN AIR TERUTAHA KE KAWASAN PERINDUSTRIAN MENCUKUPI.

PERDANA HENTERI BERHARAP SEKTOR SWASTA AKAN HEMBANTU HELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK BERKENAAN. -- LAGI  
0051MST 10 08 89

D654

R B 301 AAB  
MAHATHIR - EKONOHI 3 KUALA LUHPUR

PERDANA MENTERI GEHBIRA KERANA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA TELAH DITERIMA SEPENUHNYA DAN BERHARAP KERJASAMA ANTARA SEKTOR AWAM DAN SWASTA DILAKSANAKAN DI KALANGAN PEKERJA DAN KAKITANGAN.

+SAYA TELAH HENCADANGKAN SUPAYA SETIAP SYARIKAT PERLU MEMPUNYAI MAJLIS PENGURUSAN PEKERJA SUPAYA HEREKA TERLIBAT DALAM PENGENDALIAN SYARIKAT,+ KATA BELIAU.

KATANYA, PRESIDEN KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC), ZAINAL RAHPAK TERSALAH ANGGAP APABILA BELIAU HENCADANGKAN PERDANA MENTERI MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT HAJLIS YANG PERTAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR HENAHBAAH KATA APA YANG DIKATAKANNYA IALAH PENUBUHAN MAJLIS DALAH SETIAP SYARIKAT DAN BUKAN ANTARA KERAJAAN DAN KESATUAN. -- BERNAMA  
0052MST 10 08 89